



# SIARAN MEDIA

## MAJLIS POLEMIK SEJARAH MALAYSIA SESI KE-48 “Kewarganegaraan”

**KUALA LUMPUR : 29 Mac 2022** – YBhg. Tan Sri Dato’ Haji Alimuddin bin Haji Mohd Dom, Pengurus Lembaga Penasihat Arkib Negara Malaysia hari ini merasmikan **Majlis Polemik Sejarah Malaysia Sesi Ke-48 dengan temanya “Kewarganegaraan”**. Setiap tahun Arkib Negara Malaysia agensi yang berada di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya tidak pernah gagal menganjurkan Majlis Polemik Sejarah Malaysia (MPSM). Pada kali ini, “Kewarganegaraan” merupakan tema bagi MPSM Sesi Ke-48.

Tema ini akan mengupas mengenai sejarah kewarganegaraan dan perihal mengenai kewarganegaraan yang termaktub dalam Bahagian 3 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Tajuk kewarganegaraan ini bukanlah suatu tema yang sering mendapat tempat dalam perdebatan semasa. Justeru, melalui pembentangan dan perkongsian maklumat oleh pakar-pakar dari bidang kewarganegaraan ini diharapkan dapat melahirkan warga negara yang memiliki wawasan kenegaraan, menanamkan rasa cinta tanah air, dan kebanggaan sebagai warga negara Malaysia.

Majlis Polemik Sejarah Malaysia merupakan satu bentuk forum perbincangan diadakan di antara ahli-ahli sejarah tentang pengkajian, penemuan dan penulisan mereka berkaitan dengan sesuatu tajuk tertentu. Pada sesi kali ini, dua tokoh pembentang akan membentangkan kertas kerja berkaitan kewarganegaraan. Pembentang pertama ialah YBhg. Prof. Datuk Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz dari Universiti Teknologi MARA dan tokoh pembentang yang kedua ialah YBrs. Prof. Madya. Dr. Mohd bin Samsudin dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Manakala Pengerusi yang akan memperusik sesi polemik ini ialah YBrs. Dr. Muhammad

Shamsinor bin Abdul Azzis dari Universiti Malaya. Hasil kupasan dalam sesi polemik pada kali ini diharapkan menyedarkan orang ramai tentang pentingnya pengetahuan sejarah negara yang tepat dan betul. Di pentas seperti ini juga memberi peluang tokoh sejarah membincangkan dan mengemukakan pengkajian-pengkajian dan penemuan-penemuan sejarah Malaysia yang baharu serta melengkapkan maklumat dan bahan-bahan sejarah untuk kepentingan sejarah negara. Namun apa yang penting menggalakkan masyarakat menggunakan bahan-bahan asal terutamanya bahan-bahan Arkib, yang mengandungi fakta-fakta sejarah dalam kajian dan penyelidikan.

Sebagai imbasan sejarah, penganjuran Majlis Polemik Sejarah Malaysia (MPSM) Arkib Negara Malaysia telah berjaya menganjurkan sebanyak 47 sesi dan 133 pembentangan kertas kerja sejak daripada tahun 1994 sehingga kini. Fasa pertama melibatkan tema-tema yang menyentuh tentang Zaman Pra-Sejarah, Zaman Pra-Melaka, Zaman Kesultanan Melayu Melaka, Zaman Pra-Kesultanan Johor – Riau dan Zaman Kesultanan Johor – Riau, Sejarah Kedah dari awal hingga abad ke-20 dan Petempatan dan Kerajaan Awal Malaysia Sebelum 1400. Pelbagai aspek telah dibincang bagi setiap zaman tersebut meliputi pengasasan kerajaan, politik, pemerintahan, perdagangan, sosio-budaya, agama, bahasa, petempatan, sistem penggantian, sumber ekonomi, perundangan, adat-istiadat dan lain-lain lagi. Melalui hasil kajian dan perbincangan yang diadakan, gambaran lebih tepat mengenai fakta sejarah negara dapat dilihat, dikongsi dan dinilai bersama.

Bermula pada tahun 2017, MPSM telah memasuki fasa kedua bertemakan "Negara Bangsa". Tema yang disentuh melibatkan isu-isu semasa yang masih lagi diperdebat dan menjadi pertikaian dalam masyarakat pada hari ini. Antara tema-tema yang diperbincangkan dalam sesi MPSM bagi fasa kedua ini ialah Kemerdekaan dan Pembentukan Malaysia, Perlombagaan, Sejarah Undang-Undang Tubuh Negeri, Persempadanan Negeri, Kesultanan Melayu, Institusi Diraja dan Penghayatan Rukun Negara.

Adalah diharapkan agar Majlis Polemik Sejarah Malaysia (MPSM) Sesi Ke-48 dengan tema "Kewarganegaraan" dapat menyalurkan maklumat/penemuan baru kepada masyarakat di samping mengumpul pandangan dan saranan masyarakat terhadap topik ini. Diharapkan juga agar program ini dapat memberi input dan maklumat yang berfaedah bagi mendapatkan hasil kajian yang benar-benar berkualiti dan dapat digunakan bagi tujuan penyelidikan dan rujukan semua pihak sama ada dari dalam mahu pun luar negara.

**ARKIB NEGARA MALAYSIA**  
**29 MAC 2022**

---

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: -  
Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi  
Arkib Negara Malaysia,  
Tel: 03-6209 0671/0672/0673/0674  
Faks: 03-6201 5679  
Emel: [pro@arkib.gov.my](mailto:pro@arkib.gov.my)